

Doa-Doa Mubarak

Penyusun
Muhammad Zuhair Ruhani Bazi

Penterjemah
Jalalludin Ahmad Ar-Rowi



قال النبي ﷺ : الدُّعَاءُ مُخُّ العِبَادَةِ

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:
“Doa adalah Otak bagi Ibadah.”

Doa-Doa Mubarak

Penyusun
Muhammad Zuhair Ruhani Bazi

Penterjemah
Jalalludin Ahmad Ar-Rowi



Cetakan Pertama : March 2000

Diterbitkan oleh

Jamia Muhammad Musa Albazi

Burhan Pura, Raiwind, Lahore, Pakistan

Head Office

Alqalam Foundation

13-D, Block B, Samanabad, Lahore, Pakistan


Phone: +92-300-4101882, +92-42-37568430


www.alqalamfoundation.org

Email: alqalam777@gmail.com

Di Malaysia hubungi

Jalalludin Ahmad Ar-Rowi


بسم الله الرحمن الرحيم



INTISAB

Daku persembahkan kitab ini ke Hadhrat bapaku

Shaikh-ul-Hadith wal Tafseer Maulana
Muhammad Musa Ruhani Bazi
(Rahimahullah-o-ta'ala)

Shaikh Muhammad Musa Al-Bazi adalah seorang Shaikhul Hadith dan Tafsir di Jamiah Ashrafiah, Muslim Town, Lahore, Pakistan. Beliau meninggal dunia pada 19hb. Oktober 1998. Setelah urusan pengkebumiannya di Tanah Perkuburan Mayani, Lahore, Pakistan, bauan yang harum telah terbit dari pusaranya meliputi kawasan sekelilingnya. Haruman ini telah keluar berterusan selama lebih kurang 8 bulan. Beribu-ribu manusia telah turut menyaksikan pusaranya dan menghidu bauan yang harum dari Syurgawi. Para Ulama mengatakan bahawa, menurut perkembangan Sejarah Islam, Mawlana Muhammad Musa Al-Bazi adalah orang ketiga yang mana dari pusaranya telah terbit bauan yang

harum daripada Syurga.

Shaikh Muhammad Musa Al-Bazi telah meluangkan seluruh hayatnya bagi tujuan mengajarkan Hadith, Tafsir, Fiqh dan melahirkan para Ulama Islam. Beliau telah mengarang lebih daripada 200 buah kitab-kitab yang bernilai tentang Islam. Sebahagian besar darinya adalah dalam Bahasa Arab, sebahagian yang lain pula dalam Bahasa Farsi dan Urdu.

Seluruh Ulama Islam dalam abad ini telah mengakui bahawa karya-karya agung yang dikarangnya merupakan suatu karya seni bagi Ilmiah Islam dan Kesusasteraan Bahasa Arab.

Apabila karya-karyanya ditampilkan di hadapan para Ulama Arab yang Masyhur, mereka bertanya, “Adakah pengarang kitab-kitab ini masih hidup? Sesungguhnya dia adalah Ulama bagi abad ini. Mereka berkata bahawa hasil daripada kerja-kerja pengkajiannya dan kemahirannya yang menakjubkan di dalam Kesusasteraan Bahasa Arab, beliau berketrampilan sebagai seorang Ulama Islam yang Unik seperti yang ada beratus-ratus tahun dahulu.

Seorang Alim yang masyhur dan Imam Masjidil Haram di Makkah, Shaikh Muhammad Bin Abdullah As-Subayyel sekali telah berkata ketika

berada di dalam suatu majlis pertemuan yang khas para Ulama Islam dari negara Pakistan, India dan negara-negara Arab, “Sepertimana yang tuan-tuan tahu, para Ulama Islam dari seluruh dunia datang untuk menziarahi daku namun dalam seluruh hidupku, daku tiada pernah melihat atau bertemu dengan Seseorang Ulama Islam yang lebih agung dalam ilmu pengetahuan melebihi Shaikh Muhammad Musa Al-Bazi.” Syaikh Muhammad Bin Abdullah As-Subayyel sekarang ini adalah seorang Menteri Pengurusan berkaitan Masjidul Haramain (Makkah dan Madinah) .

Kepentingan dan keagungan karya-karyanya dapat dipastikan dari suatu fakta bahawa buku-buku karangannya telah diajarkan meskipun ketika hayatnya, di universiti-universiti Islam di Pakistan dan Iran.

Beliau telah menghasilkan lebih 10,000 Ulama ketika hayatnya yang datangnya dari berbagai negara seperti Arab Saudi, England, Amerika, Afghanistan, Iran, India, Bangladesh, Uganda, Afrika Selatan, Pakistan, Thailand, Malaysia, Indonesia, Nepal, Kenya, Russia, Egypt dan lain-lain.

Semoga Allah merahmatinya dan meninggikan martabatnya di maqam “Iliyyin”.



Amma Ba'du. Umur ummat yang terdahulu adalah amat panjang . Setiap seorang dari mereka mampu hidup sehingga beratus-ratus tahun. Bagi orang-orang yang beriman, kehidupan yang panjang ini membolehkan mereka melakukan amal yang sebanyak-banyaknya untuk memperolehi pahala yang tidak terhingga. Bertentangan dengan mereka ini, ummat Rahmatan lil-Alamin s.a.w. yang mana setiap dari mereka memiliki umur yang sangat pendek. Namun Allah s.w.t. amat kasih kepada ummat ini melebihi sekelian ummat yang lain. Kerana itulah Allah s.w.t dengan Kekurniaan dan KemuliaanNya yang Khas telah menganugerahkan kepada ummat ini beberapa amalan yang pada zahirnya adalah ringkas tetapi boleh menghasilkan ganjaran pahala yang amat besar . Inilah natijah dari Rahmat Allah yang Maha Luas.


وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ

"Dan RahmatKu luas atas segala sesuatu."
(Al-Quran 7, 156)

Hendaklah menjadi kelaziman bagi setiap Muslimin untuk menganggap penting meskipun suatu pahala yang kecil, kerana ia mungkin menjadi punca bagi pengampunan di sisi Allah . Dan hendaklah menganggap bahawa setiap dosa yang kecil itu adalah amat berbahaya dan berusaha menjauhkan diri darinya. Siapa tahu, dosa tersebut mampu menyampaikannya ke Neraka. Imam Baqir Rahmatullah'alaih telah memberikan suatu nasihat yang amat berharga kepada anaknya, Imam Jaafar Sadiq Rahmatullah'alaih seperti berikut; katanya :

"Wahai anakku, Allah Taala telah menyembunyikan tiga perkara di dalam tiga perkara. Allah menyembunyikan Keredhaan Nya di dalam pahala, kemur- kaanNya di dalam dosa dan Aulia Allah di kalangan manusia. Maka janganlah dikau menganggap hina sebarang pahala, mungkin Keredhaan Allah tersembunyi di dalamnya. Di samping itu janganlah dikau menganggap kecil sesuatu dosa itu lalu dikau melakukannya, boleh jadi Kemurkaan Allah tersembunyi di dalamnya. Dan janganlah memandang hina sebarang insan; siapa tahu mungkin dia adalah Wali Allah ! ".

Terdapat di dalam riwayat Hadith, di mana



seorang lelaki jahat telah diampunkan oleh Allah s.w.t. ketika mana dia berada di dalam hutan dan telah memberi minum seekor anjing yang dalam kehausan. Di samping itu, dinyatakan juga di dalam hadith bahawa seorang lelaki yang tidak beramal telah menghindarkan dahan berduri dari jalanan; dengan keberkatan amal yang sekecil itu, dia telah dimasukkan ke dalam Syurga. Dan seorang wanita yang hanya disebabkan suatu dosa, telah dihumbankan ke dalam Neraka bilamana dia telah mengikat seekor kucing lalu kucing tersebut telah mengalami kelaparan dan dahaga sehingga lama-kelamaan terus mati.

Daku bermohon kepada Allah Taala agar dengan himpunan doa-doa yang ringkas ini, menerima Qabuliat di sisi Allah dan menjadi pahala Zakhirah untuk hamba ini di Akhirat nanti. Amin.

Nota: Kepada sekelian pembaca, diharap dapat mendoakan kepada hamba ini, kedua ibubapanya dan para Ustaznya serta kepada Saudara Mansoo-ul-Haque dan kedua ibubapanya di dalam doa-doa mereka.

Hamba yang dhoif,
Muhammad Zuhair Ruhani Bazi Ofia' anhu
24 Rabiul Tsani 1417 Hijrah
Bersamaan , September 1996 Masehi.




DARI PENTERJEMAH

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

نحمده و نصلى على رسوله الكريم

Amma Ba'du. Hamba yang dhoif ini bersyukur kerana dapat memberikan sedikit khidmat untuk Agama dengan menterjemahkan karya yang bermutu dari Hadhrat Mawlana Muhammad Zuhair Al-Ruhani Al-Bazi ibnu Shaikhul Hadith wat-Tafsir, Hadhrat Mawlana Shaikh Muhammad Musa Ar-Ruhani Al-Bazi Rahmatullah'alaih. Kitab ini adalah merupakan suatu Khazanah Agama Islam yang perlu ada pada setiap Muslim, agar diamalkan dan diYaqini akan ganjaran yang disediakan.


Daku juga berharap kepada Allah Taala agar usahaku ini diQabuli dan diBerkati. Daku tujukan karya ini untuk sekelian Ummat Islam di seluruh alam sehingga Hari Qiyamat dengan mengharapkan Keredhaan Allah dan pahala di Hari Akhirat. Dan kepada sekelian para pembaca,



dapatlah kiranya mendoakan kepada hamba yang dhoif, faqir lagi hina ini dan kepada kedua ibubapanya di dalam doa-doa mereka. Amin.

Hamba yang dhoif dan hina,

Jalalludin Ahmad Ar-Rowi Al-Amani ‘Ofia ‘anhu.
Jamiah Ashrafiah
Menjelang Ramadhan 1420 Hijrah
Bersamaan 1999 Masihi.



صد بار بدی کردی و دیدی ثمرش را
نیکی چه بدی داشت که یک بار نه کردی

Seratus kali telah kau lakukan dosa dan telah kau lihat akan natijahnya; Kebaikan yang manakah pula yang tidak terdapat sebarang keburukan padanya?

گفتی که به پیری چو رسم توبه کنم
ترسم که جواں روی به پیری نه رسی

Dikau berkata bahawa di saat tua usiamu dikau akan bertaubat; Namun daku khuatir sebelum tua usiamu, di usia muda kau telah pergi.



Keredhaan Allah Taala

رَضِيْتُ بِاللهِ رَبًّا وَّ بِالْاِسْلَامِ دِيْنًا وَّ بِمُحَمَّدٍ نَّبِيًّا (ﷺ)

Rasulullah s.a.w telah bersabda bahawa barangsiapa membaca doa ini di waktu pagi dan petang, maka adalah menjadi kewajipan Allah terhadap pembaca doa ini untuk meredhainya di Hari Qiyamat nanti dan memasukkannya ke dalam Syurga. Diriwayatkan di dalam Kitab Tabrani, Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda, “Daku menjamin akan memegang tangan pembacanya dan memasukkannya ke dalam Syurga”.

(Riwayat Abu Daud, Tarmizi, Nasa’i dan Ibnu Majah dari Hadhrat Tsauban r.anhu)



Dua Juta Pahala

لَا اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ
لَهُ اَحَدًا صَمَدًا لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ
وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُوًا اَحَدٌ

Rasulullah s.a.w. telah bersabda bahawa barangsiapa yang mengucapkan kalimat-kalimat ini, maka Allah Taala akan mencatatkan baginya dua juta pahala. Pada bulan Ramadhan, bagi setiap amal kebaikan dilipatgandakan sebanyak 10 kaliganda. Maka dengan mengucapkannya sekali akan dituliskan sebanyak 140 juta pahala dan sebanyak mana ianya dibacakan sebanyak itulah pahala yang akan diperolehinya.

(At-Targhib wat-Tarhib)



Pahala Ibadah 80 Tahun

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدِ النَّبِيِّ
الْأُمِّيِّ وَعَلٰى آلِهٖ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا

Di dalam Hadith ada diriwayatkan bahawa barangsiapa bersolat Asar pada hari Jumaat, Sebelum bangun dari tempat duduknya setelah selesai sembahyang, dia membaca selawat ini sebanyak 80 kali maka dosa-dosanya selama 80 tahun akan dimaafkan dan akan dituliskan pahala ibadah selama 80 tahun. Yakni jika pada bulan Ramadhan dia membacanya sebanyak 80 kali, maka sebagai ganti dari jumlah yang dinyatakan, dia akan memperolehi pahala ibadah selama 5600 tahun dan sebanyak itulah juga dosa-dosanya akan diampunkan.

(Syarh Syifa' Jami Saghir)



Pahala Ibadah Seribu Hari

جَزَى اللّٰهُ عَنَّا مُحَمَّدًا مَّا هُوَ اَهْلُهُ

Baginda Rasulullah s.a.w telah bersabda bahawa barangsiapa yang membaca doa ini maka ganjaran pahalanya menyebabkan 70 malaikat menghadapi kesukaran sehingga 1000 hari, yakni 70 malaikat terpaksa menghadapi masaalah yang besar selama 1000 hari bagi menuliskan pahala untuknya. Jika seseorang membaca selawat ini sekali pada bulan Ramadhan maka 70 malaikat akan menuliskan pahala sehingga lebihkurang 192 tahun. Dan jika ianya dibacakan sebanyak 100 kali, maka dia akan memperolehi kadar pahala di mana 70 malaikat akan menuliskan pahala untuknya sehingga 7 juta hari yakni 19,178 tahun, juga masih belum sempurna. Maka hendaklah sentiasa tetap dengan memperbanyakkan pembacaannya.

(Riwayat Tabrani Fi Kabir wa Awsat)



Keampunan Dari Sekelian Dosa

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الَّذِىْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا

هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ وَاَتُوْبُ اِلَيْهِ

Dinyatakan di dalam Hadith, barangsiapa yang membaca Istighfar ini sebanyak 3 kali pada waktu hendak tidur,maka Allah Taala akan mengampunkan sekelian dosanya meskipun sebanyak buih-buih di lautan ataupun sebanyak bilangan bintang-bintang ataupun sebanyak zarrah dan butiran pasir ataupun sebanyak hari-hari di dunia.

(Riwayat Tarmizi)



Amalan Khas Untuk Memelihara Diri

بِسْمِ اللّٰهِ الَّذِى لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ
شَىْءٌ فِى الْاَرْضِ وَلَا فِى السَّمَاءِ
وَهُوَالسَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ

Nabi alaihissolatu wassalam telah bersabda bahawa barangsiapa membaca doa seperti yang tersebut di atas ini sebanyak 3 kali pada waktu pagi, maka tidak akan tertimpa ke atasnya sebarang mudharat sehinggalah ke petang dan barangsiapa membaca doa tersebut pada waktu petang, maka tidak akan tertimpa ke atasnya sebarang mudharat sehingga ke waktu pagi.

(Riwayat Tarmizi dan Abu Daud)



Doa Sewaktu Keluar Rumah

بِسْمِ اللهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللهِ

لَاحَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللهِ

Barangsiapa yang membaca doa ini sewaktu keluar dari rumah, maka baginya sehinggalah dia kembali ke rumah, dia akan terpelihara dari sebarang mudharat dan Syaitan, dan bagi urusan yang mana menyebabkan dia keluar rumah juga akan turut selesai .

(Riwayat Tarmizi)

Kemasukan Ke Syurga

Dinyatakan di dalam Hadith, barangsiapa membaca ayat Kursi setiap kali selepas solat Fardhu, maka yang menghalangnya masuk ke Syurga hanyalah maut.

(Riwayat Nasa’i)



Sejuta Pahala Sejuta Keampunan Dosa

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ

لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِيْ

وَيُمِيْتُ وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوْتُ بِيَدِهِ

الْخَيْرُ وَهُوَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ

Dinyatakan di dalam Hadith bahawa seseorang Muslim yang membaca doa ini di pasar, Allah Taala menuliskan sejuta pahala baginya, sejuta dosa diampunkan dan sejuta darjat ditinggikan dan di samping itu akan menyediakan baginya sebuah istana yang sangat gemilang di dalam Syurga. Maka perbanyakkanlah doa ini sewaktu di pasar.

(Riwayat Tarmizi dan Ibnu Majah)



Keselamatan Dari Neraka

اَللّٰهُمَّ اَجِرْنِيْ مِنَ النَّارِ

Dinyatakan di dalam Hadith bahawa barangsiapa yang setelah selesai Solat Maghrib, sebelum bercakap-cakap dengan sesiapa, membaca doa yang tersebut di atas sebanyak 7 kali, jika pada malam itu datang kepadanya maut, akan terpelihara dari Neraka selama-lamanya. Dan jika membaca doa ini sebanyak 7 kali setelah selesai Solat Subuh, sebelum bercakap-cakap dengan sesiapa dan jika pada hari itu datang maut kepadanya, maka akan terpelihara dari Neraka selama-lamanya.

(Misykat, dari Abu Daud)



Doa- Doa Sewaktu Makan

Barangsiapa yang membaca doa ini sewaktu mula hendak makan

بِسْمِ اللهِ وَعَلَى بَرَكَةِ اللهِ

Dan setelah selesai makan, membaca doa ini


اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِى اَشْبَعَنَا

وَاَرْوَانَا وَاَنْعَمَ عَلَيْنَا وَاَفْضَلَ

Maka dia tidak akan disoal pada Hari Qiyamat tentang makanannya itu. Jika sewaktu mula hendak makan dia terlupa membaca Bismillah, maka tatkala dia teringat, hendaklah membaca doa ini

بِسْمِ اللهِ اَوَّلَهُ وَآخِرَهُ

(Riwayat Tarmizi)



Keselamatan Dari Was-Was

رَبِّ اَنْزِلْنِيْ مُنْزَلًا مُّبَارَكًا وَّاَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِيْنَ

Barangsiapa yang hendak menghindarkan dirinya dari was-was Syaitan dan hendak memperolehi Solat yang Khusyu' dan Khudu' maka hendaklah membaca ayat ini dengan seberapa banyak yang mampu.

(Kitab-ul-Tasawwuf wal Akhlaque)



Menghindarkan Kerisauan dan Menunaikan Hutang

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُبِكَ مِنَ الْهَمِّ
وَالْحُزْنِ وَاَعُوْذُبِكَ مِنَ الْعَجْزِ
وَالْكَسَلِ وَاَعُوْذُبِكَ مِنَ الْبُخْلِ
وَالْجُبْنِ وَاَعُوْذُبِكَ مِنْ غَلَبَةِ
الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Untuk menghindar kan kerisauan yang besar dan menunaikan hutang yang besar, Nabi Muhammad s.a.w. telahpun mengajarkan supaya membaca doa ini di waktu pagi dan petang.

(Diriwayatkan oleh Abu Daud)



Amal Yang Terafdhal Di Hari Qiyamat

Dinyatakan di dalam Hadith bahawa barangsiapa yang membaca 100 kali.



Allah Taala akan mengampunkan sekelian dosanya meskipun lebih banyak dari buih-buih di lautan . Dan barangsiapa yang membacanya setiap hari maka tiadalah amal yang lebih afdhal darinya di hari Qiyamat kelak, melainkan orang yang telah membaca sebanyak bacaannya atau yang telah membaca lebih darinya.


(Riwayat Muslim, Tarmizi dan Nasa’i)





Doa Bangkit Dari Majlis

Baginda Rasulullah s.a.w telah bersabda, barangsiapa yang duduk di dalam sesuatu majlis yang mana banyak mengandungi kelalaian dan sia-sia, lalu sebelum dia hendak bangkit, dia membaca doa ini, maka segala dosanya yang elah dihitung di dalam majlis itu akan dimaafkan. Inilah doanya:-



Manusia tatkala duduk bersama dengan rakan-rakannya, maka secara amnya ghibat, mengumpat, hasad dan selainnya menyebabkan dia berdosa.

Kerana itulah kita sewaktu hendak berpisah dari rakan-rakan atau sesuatu majlis, secara khas hendaklah membaca doa yang ringkas ini.

(Amalan Siang dan Malam, An-Nasa`i)

Khazanah Syurga



Dinyatakan di dalam Hadith bahawa, Adalah ia salah satu daripada Khazanah Syurga dan ia merupakan penyembuh berbagai macam penyakit, yang mana penyakit yang paling rendah sekali darjahnya adalah runsing.

(Amalan Siang dan Malam, An-Nasa`i Baihaqi di dalam Dawaatul- Kabir)



Akan Diseru Sebagai "Atiqullah"

سُبْحَانَ اللّٰهِ وَ بِحَمْدِهِ

Hadhrat Ibnu Abbas Radhiallahu, anhuma mengambil riwayat daripada Nabi 'alaihissolatu wassalam bahawa barangsiapa membaca doa yang tersebut di atas sebanyak 1000 kali pada bila-bila waktu di siang hari, maka Allah Taala telahpun membelinya dan akan membebaskannya dari Azab Ilahi . Dan pada akhir hayatnya dia akan dipanggilkan dengan panggilan, "Atiqullah". Ini adalah suatu faedah yang amat besar dan suatu kejayaan yang besar baginya . Bagi mereka yang memperolehi hasil dari doa yang ringkas ini, kejayaanlah baginya. Maka, setiap Muslimin hendaklah berusaha beramal dengannya.

(Riwayat Tabrani, di dalam Al-Awsat dan Ibnu Mardawaih, Majlis Saniah mukasurat 70)



Kematian Sebagai Seorang Syahid

لَآ اِلٰهَ اِلَّآ اَنْتَ سُبْحٰنَكَ اِنِّىْ كُنْتُ مِنَ الظّٰلِمِيْنَ

Dinyatakan dalam sebuah Hadith, sesiapa dari kalangan orang Islam yang membaca ayat yang mulia ini sebanyak 40 kali ketika sakit, lalu menghadapi ajalnya, maka dia akan mencapai darjah seorang Syahid. Dan jika dia sihat maka segala dosa-dosanya diampunkan. Begitu juga jika sesiapa yang menghadapi musibah yang dahsyat atau kesedihan, maka dengan membaca ayat ini, musibah akan terhindar, dan dengan perantaraannya, apa jua permohonan doa yang dipohonkan pasti Allah Taala akan mengkabulkan permohonannya.

(Riwayat Hakim)



Menghindarkan Runsing dan Penyakit

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِى عَافَانِى

مِمَّا ابْتَلَاكَ بِهِ وَفَضَّلَنِى عَلَى

كَثِيْرٍ مِمَّنْ خَلَقَ تَفْضِيلًا

Baginda Nabi yang Mulia s.a.w telah bersabda bahawa ketika melihat sesuatu bala yakni kerunsingan, musibah atau penyakit menimpa ke atas manusia, lalu membaca doa ini, dengan izin Allah, dia akan terpelihara dari bala itu sehinggalah dia mati.

(Riwayat Tarmizi)



Keselamatan Dari Azab Di hari Qiyamat

Hafiz Najam Ghaiti Rahmatullah alaih telah menyatakan kisah ini bahawa Imam Abu Hanifah Rahmatullah alaih telah berkata bahwa, “Aku telah menziarahi Allah s.w.t. 99 kali di dalam mimpi, lalu terlintas di hatiku untuk bertanya kepada Allah jika daku berpeluang sekali lagi menziarahinya iaitu ; Pada hari Qiyamat nanti, dengan perantaraan amal yang manakah seseorang hamba itu akan mendapat keselamatan dari azab Nya ? “lalu berkata” Apabila daku diberikan peluang menziarahi Allah Taala di dalam mimpi, maka daku telah menanyakan soalan tersebut . Lalu Allah Taala pun berfirman, Barangsiapa yang membaca doa ini di waktu pagi dan petang, akan terselamatlah ia dari azabKu!” .

سُبْحَانَ الْاَبَدِيِّ الْاَبَدِ سُبْحَانَ

الْوَاحِدِ الْاَحَدِ سُبْحَانَ الْفَرْدِ



الصَّمَدِ سُبْحَانَ رَافِعِ السَّمَاءِ بِغَيْرِ
عَمَدٍ سُبْحَانَ مَنْ بَسَطَ الْاَرْضَ
عَلٰى مَآءٍ جَمَدٍ سُبْحَانَ مَنْ خَلَقَ
الْخَلْقَ فَاَحْصَاهُمْ عَدَدًا سُبْحَانَ
مَنْ قَسَمَ الرِّزْقَ وَلَمْ يَنْسَ اَحَدًا
سُبْحَانَ الَّذِىْ لَمْ يَتَّخِذْ صَاحِبَةً
وَّلَا وَلَدًا سُبْحَانَ الَّذِىْ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ
يُوْلَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَّهٗ كُفُوًا اَحَدٌ

(Rad-ul-Muhtar)



Doa 70 Ribu Malaikat

Barangsiapa mambaca 3 kali

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ

مِنَ الشَّيْطٰنِ الرَّجِيمِ

Seterusnya membaca 3 ayat terakhir dari surah Al-Hasyr sekali pada waktu pagi dan sekali pada waktu petang, maka dari pagi sehingga ke petang dan dari waktu petang sehingga ke pagi, 70 ribu malaikat akan mendoakan keampunan untuk dirinya. Dan jika pada hari itu atau pada malam itu dia menemui ajalnya maka dia akan dikira sebagai seorang yang Syahid.

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ عَـٰلِمُ

ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَـٰدَةِ هُوَ ٱلرَّحْمَـٰنُ



ٱلرَّحِيمُ ۝ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ
إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ
ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ
ٱلْمُتَكَبِّرُ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا
يُشْرِكُونَ ۝ هُوَ ٱللَّهُ ٱلْخَٰلِقُ
ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ
ٱلْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ۝

(Diriwayatkan oleh Tarmizi dan
Ad-Darami dan Ibnu Sunni)



Mahligai Di Syurga

Baginda Khatamun Nabiyyin Rahmatan lil 'Alamin, Sallallahu alaihi wa Sallam, telah bersabda, barangsiapa membaca surah Al-Ikhlas iaitu "Qul huwallahu" sebanyak 10 kali maka Allah Taala akan menyediakan baginya sebuah mahligai di dalam Syurga. Jika membacanya 20 kali, maka 2 buah mahligai akan disediakan baginya.

Hadhrat Umar r.anhu telah bertanya, "Wahai Nabi Allah, tentunya kami akan menghasilkan istana yang tak terkira banyaknya". Nabi s.a.w pun bersabda, "Kerajaan Allah adalah sangat luas, (yakni di sisi Allah tidak terdapat sebarang kekurangan)".

(Diriwayatkan oleh Ad-Darami dan Ahmad)





Fadhilat Solat Awwabin

Selepas Solat Maghrib, bersolat nawafil enam rakaat adalah Solat Awwabin. Para Aulia Allah lazim mengerjakannya. Di dalam Hadith yang mulia ada dinyatakan barangsiapa yang sesudah Solat Maghrib, mengerjakan Solat enam rakaat dan di antaranya dia tidak berkata dengan perkataan yang buruk, maka baginya pahala beribadat selama 12 tahun.

Ulama Ahli Feqah berpendapat, dua rakaat setelah Solat Maghrib itu juga termasuk di dalam 6 rakaat, Jika Solat Awwabin ini dikerjakan berterusan sehingga setahun penuh, lalu pada bulan Ramadhan yang mulia, dikhususkan 70 kali ganda pahala menyertainya, maka dia akan memperolehi pahala ibadat sebanyak 29, 160 tahun.

Subhanallah ! Rahmat Allah amat luas bagaikan lautan, dan betapa ruginya seorang yang terjauh dari Rahmat ini.

(Riwayat Tarmizi)



Pahala Berpuasa Pada Hari Arafah

Hadhrat Sahl bin Saad r.anhu telah meriwayatkan dari Baginda Rasulullah s.a.w. bahawa dengan Keberkatan berpuasa pada Hari 'Arafah (9 Zulhijjah), Allah Taala akan mengampunkan dosa-dosanya selama 2 tahun, tahun yang dia berpuasa dan tahun yang akan datang.

Disamping itu, Imam Baihaqi telah meriwayatkan dari Hadith Baginda Nabi s.a.w bahawa berpuasa pada hari Arafah, pahalanya adalah bersamaan dengan berpuasa selama 1000 hari.

(Riwayat dari Abu Ya la,
Targhib jilid 2, mukasurat 112)



Pahala Solat Jumaat

Pentunjuk yang Mubarak dari Baginda Nabi yang Mulia 'alaihi salam menyatakan bahawa barangsiapa yang mandi pada hari Jumaat, dosa-dosanya adalah dimaafkan. Kemudian apabila dia berjalan menuju ke masjid, maka bagi setiap langkahnya akan dituliskan 20 pahala sebagai tukaran baginya. Kemudian, apabila dia telah selesai solat, dia berjalan menuju pulang, maka dia akan diganjari dengan pahala amal kebaikan selama 200 tahun. Di dalam Hadis yang lain dinyatakan bahawa orang yang berjalan kaki menuju ke masjid bagi setiap langkahnya pahala ibadat selama 20 tahun, yakni pada bulan Ramadhan, hanya dengan satu langkah, dia akan memperolehi pahala ibadah selama 1400 tahun.

(Riwayat Ahmad, Abu-Dawood, Tarmizi)

الله



Menziarahi Baginda Rasulullah s.a.w.

Shaikh Abdul Haq Muhaddith Dehlawi Rahmatullah 'alaih telah menulis di dalam kitabnya, "Targhib ahlis-Saadat" bahawa pada malam Jumaat, bersolatlah 2 rakaat Solat Nafil. Setiap rakaat setelah Fatihah bacalah 11 kali ayat Kursi dan 11 kali Qulhuwallah. Dan sesudah Salam, bacalah Selawat ini Sebanyak 100 kali, maka Insya Allah Taala, tidak berlalu tiga kali Jumaat melainkan akan berpeluang menziarahi Baginda Rasulullah s.a.w. Selawatnya adalah seperti berikut.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدِ ِۣ النَّبِيِّ

الْاُمِّيِّ وَآلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَسَلِّمْ



Fadhilat La ilaha illallah

Terkandung di dalam kitab "Tasauf dan Akhlaq" bahawa seorang yang membaca La ilaha illallah sebanyak 70 ribu kali, dia telah membeli dirinya dari Allah Taala dan membebaskan dirinya dari Neraka . Dengan silsilah ini, sebuah Hadith Marfu' ada menyatakan : -

مَنْ قَالَ "لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ" سَبْعِيْنَ اَلْفًا

فَقَدِ اشْتَرٰى نَفْسَهُ مِنَ اللّٰهِ

Kerana itulah para Solehin yang mulia telah beramal dengan wazifah ini secara tetap untuk diri mereka dan ahli keluarga serta saudara mara mereka. Sebahagian dari mereka ada juga yang mengkhususkan sebagai pengampunan terhadap mereka yang telah mati .

Di dalam kitab "Majalis Saniah" ada dinyatakan bahawa ada seorang pemuda yang Soleh, masyhur dengan Kasyaf yang dimilikinya. Pada suatu hari, di dalam perhimpunan para

Ulama dan Aulia, beliau telah menangis dengan banyaknya sehinggakan hampir kehilangan aqal. Ditanyakan kepadanya perkara yang menyebabkan dia menangis, lalu berkata bahawa “Dari Kasyaf yang daku miliki daku dapat mengetahui bahawa ibuku telah meninggal dunia dan dimasukkan ke dalam Neraka !


Di kalangan para hadirin, seorang yang Soleh telah berkata, “Bahawa sebelum ini, daku telah membaca 70 ribu kali La ilaha illallah untuk manafaat diriku sendiri namun apabila daku melihat kesedihan anak muda ini, daku telah berkata dari hatiku agar pahala pembacaanku itu dihadiahkan kepada ibu pemuda tersebut supaya dia diselamatkan dari Neraka.

Si Soleh itu berkata bahawa, Setelah beberapa saat, pemuda tersebut begitu gembira sehinggakan tersenyum-senyum lalu berkata “Alhamdulillah, Allah Taala telah mengeluarkan ibuku pada saat ini juga dan telah memerintahkannya supaya masuk ke Syurga.

Si Soleh itu berkata bahawa dari kisah ini, daku telah memperolehi 2 faedah. Yang pertama ialah, kandungan Hadith yang telah dinyatakan itu memang Sahih dan membenarkan. Kedua ialah, kelebihan Kasyaf yang dimiliki oleh

pemuda itu adalah benar.

Pengamalan para Solehin, dengan amalan yang berterusan dengan Kasyaf yang Sahih merupakan dalil yang kuat untuk membenarkan Hadith ini sebagai sebuah Hadith yang Sahih dan terdapatnya manafaat serta faedah memanglah diakui menerusi pengamalannya.



Pahala Solat Tasbih

Dengan melakukan Solat Tasbih, akan menghasilkan pahala yang besar. Tersebut di dalam hadith bahawa menerusi Solat Tasbih, Allah Taala mengampunkan semua dosa-dosanya walaupun sebanyak butir- butiran pasir dan zarrah-zarrah yang menggunung banyaknya.

Baginda Nabi alaihisalam telah bersabda bahawa kerjakanlah Solat Tasbih setiap hari. Jika tidak mampu, maka lakukanlah ianya sekali dalam seminggu atau sekali dalam sebulan atau sekali dalam setahun amat perlu dilakukan.


Solat Tasbih ini adalah dengan satu niat bagi 4 rakaat. Dalam keempat-empat rakaat itu dibacakan doa ini sebanyak 300 kali :

سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ
وَلَا اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَاللهُ اَكْبَرُ

Cara Solat Tasbih :-

Cara-cara bersolat Tasbih adalah seperti berikut iaitu berniatlah untuk bersolat 4 rakaat. Pada rakaat pertama setelah membaca Fatihah dan surah yakni sebelum ruku' bacalah doa tersebut sebanyak 15 kali. Kemudian di dalam ruku' 10 kali. Kemudian berdiri sesudah ruku' 10 kali. Kemudian di dalam sujud yang pertama sebanyak 10 kali, duduk di antara dua sujud sebanyak 10 kali. Kemudian di dalam sujud kedua sebanyak 10 kali. Kemudian setelah sujud kedua, duduk sebentar dan membacanya sebanyak 10 kali. Kesemuanya 75 kali di dalam satu rakaat. Kemudian bangun untuk rakaat kedua dan melakukan sepertimana rakaat pertama tadi dengan jumlah 75 kali juga. Begitu jugalah dalam rakaat ketiga dan keempat. Di dalam ruku' dan sujud, doa tersebut dibacakan sesudah Tasbih. Di dalam rakaat kedua dan keempat, hendaklah membaca doa tersebut sebelum Tahiyyat.

(Jami' Tarmizi, jilid 1 mukasurat 89)



Nasihat Berfaedah dan Berharga.

1. Terdapat 2 perkara yang disukai di dunia ini, memegang kata-kata hati dan hati, memegang perkara yang Haq.
2. Wahai Insan, Tuhan telah menciptakan kamu untuk diriNya dan kamu pula mengkehendaki yang selain Nya.
3. Kehidupan manusia di dunia ini seumpama pelita yang diletakkan ditengah-tengah angin.
4. Sungguh menakjubkan ke atas seorang yang tahu Syaitan sebagai musuh namun masih melakukan ketaatan terhadapnya.
5. Janganlah terlalu berlembut sehingga bisa diperahkan dan janganlah terlalu keras dan kasar sehingga bisa dipecahkan.
6. Pekerjaan yang paling sukar di dunia ini adalah mengislahkan diri dan yang paling mudah adalah mencari kesalahan orang lain.
7. Sungguh menakjubkan ke atas seorang yang membenarkan Neraka namun masih melakukan dosa.
8. Menyesal di atas dosa-dosa akan menghapuskannya dan berbangga di atas

pahala-pahala akan memusnahkannya.

9. Sesiapa yang takutkan Allah, maka sekelian benda akan takut padanya.
10. Jika ingin menjadikan doa-doa Mustajab, maka janganlah dikau muatkan ke dalam perutmu melainkan suapan yang halal.
11. Api tidak membakar kayu-kayu secepat ghibat yang menghapuskan pahala.
12. Seseorang yang takutkan Allah, dia tidak akan mengambil sebarang tukaran.
13. Berkhidmatlah kepada kedua ibubapa. Melihat mereka atau salah seorang dari mereka dengan belas dan kasih sayang akan memperolehi pahala haji yang Maqbul.
14. Seorang penipu itu, dia sendiri dalam keadaan tertipu.
15. Bagi setiap agama terdapat sifat yang mulia dan sifat yang mulia bagi Agama Islam adalah sifat Malu.
16. Dunia adalah penjara bagi orang Mukmin dan Syurga bagi orang Kafir.

الله



Doa Setiap Hari.

Wahai Allah ! Wahai Zat Yang Agung Kemuliaan Nya dan Sentiasa Memiliki Ketinggian. Wahai Penguasa Khazanah Yang Tidak Akan Kehabisan dan Pencipta 'Arasy Yang Agung. Wahai Yang Memiliki Sifat Yang Sempurna dan Yang Menunaikan Segala Permintaan.

Jika Kau mengkehendaki, maka dengan sekelip mata pun Kau boleh mendatangkan taufan yang mana lautan pun malu melihatnya. Dan jika kau mengkehendaki, seluruh makhluq ini Kau boleh tempatkan dalam tempat yang sebesar zarrah dengan ucapan "Kun!" dariMu. Sesuatu yang tiada, Dikau boleh wujudkan. BagiMu tiada suatupun pekerjaan yang sukar.

Wahai Allah, bersihkan dan hapuskanlah kekotoran zahir dan batin kami dengan Kesempurnaan KeampunanMu dan Lautan KemaafanMu. Kurniakanlah kami dengan pakaian Zuhud dan Taqwa, mengkhidmati makhluq dan menuruti Sunnah dengan bersih dan nyata. Jadikanlah maksud kehidupan kami untuk meninggikan dan mengharumkan Agama

Muhammad s.a.w. Jadikanlah kami sebagai Mentari Ilmu dan Kau jadikanlah amalan kebaikan kami sempurna, yang mana menjadi sumber Hidayat. Dan orang-orang yang bertaqwa juga akan memilih jalan amalan Soleh dengan sinar kecemerlangannya. Dan jadikanlah kami seumpama mata air yang mengairi Taman Islam di musim gugur sehingga ke Hari Qiyamat.

Wahai Tuhan Semesta Alam ! Dalam kehidupan yang singkat ini, ambillah kerja dari kami perkara yang perlu dikerjakan di sini dan peliharalah kami dari perkara yang tidak perlu dikerjakan di sini. Bagi hari-hari dalam kehidupan kami yang mana kami telah melaluinya dengan lalai dan leka, jadikanlah sesuatu yang dapat mengganti kerugiannya. Wahai Allah ! Kurniakanlah kami dengan kecintaan terhadap Iman dan hiaskanlah ianya di dalam hati kami.

Campakkanlah rasa takut dalam hati kami terhadap kekufuran, dosa dan derhaka. Dan jadikanlah kami orang-orang yang memperolehi Hidayat dan hamba-hamba yang bersyukur supaya ketika waktu kami mati dan di dalam kubur dan di Hari Qiyamat nanti, kami bersukacita dan gembira dan Jannatul Firdaus menjadi tempat kami.

Wahai Allah, jadikanlah kami sebagai gunung

bagi Ilmu dan Amal yang mana di hadapan taufan kekufuran dan kesyirikan pun tidak dapat meruntuhkannya, dan menjadi pukulan bagi menghapuskan segala bidaah.

Dan ambillah dari kami sebarang khidmat untuk membantu Agama Muhammad Arabiy s.a.w. yang akan menjadi Sedeqah yang berterusan dan menjadi sumber keselamatan di Hari Qiyamat.

اِلٰهِىْ لَسْتُ لِلْفِرْدَوْسِ اَهْلاً
وَلَا اَقْوٰى عَلٰى نَارِالْجَحِيْمِ
فَهَبْ لِىْ تَوْبَةً وَّاغْفِرْذُنُوْبِىْ
فَاِنَّكَ غَافِرُ الذَّنْبِ الْعَظِيْمِ

Wahai Allah, daku bukanlah ahli Jannatul Firdaus; Dan tiadalah kekuatanku mengatasi Api Neraka.

Maka, berikanlah daku Taufiq untuk bertaubat dan ampunkanlah dosa-dosaku ; Kerana sesungguhnya Dikau adalah Pengampun Segala Dosa yang Besar.



Untuk pertanyaan dan maklumat sila hubungi

Di Malaysia
Jalalludin Ahmad Ar-Rowi
1663A/2 Kampung Aman,
Pokok Assam, 34000,
Taiping, Perak Darul Ridzuan,
MALAYSIA.
Phone : 05-8079117
E-mail : ar_rowi@hotmail.com


درود شریف کی انتہائی عجیب و مبارک کتاب
البرکات المکیۃ
فی
الصلوات النبویۃ
لإمام المحدثین نجم المفسرین زبدة المحققین
العلامۃ الشیخ مولانا
محمد موسیٰ الروحانی البازی
طیب اللہ آثارہ و أعلی درجاتہ فی دار السلام